

PENDIDIKAN SILANG BUDAYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: SATU PERBINCANGAN AWAL

Oleh:

Ghazali bin Basri

Abstract

Multi-cultural education is a relatively new subject especially to the Malaysian Muslims' mind. This is a modest attempt to elucidate some of its important aspects. This essay begins with highlighting the Islamic stance on the concept of the pluralistic nature of human beings, multi-ethnic and multi-religious phenomenon amongst people. That fact that Islam not only accepts the above phenomena but rather accords them with respect primarily because, after all Islam itself is a religion for the whole human kind. With this premise the present writer goes on to uncover the potentials that can be utilized within Malaysian experiences as a nation renowned for her multi-religious and multi-racial society whose major religions are Islam, Buddhism, Hinduism, Christianity and Sikhism. Aside from the inherent commonalities that one can find out in each one's religious tradition, their national ideology and national policies have added to the merit, such as the Rukunegara (National Ideology) and Falsafah Pendidikan Nasional (the National Education Philosophy). The introduction of the multi-cultural education concept in the context of the National Education system, if it is properly administered, can revitalize the present system.

Pendahuluan

Umumnya, Pendidikan Silang-budaya atau *multicultural education* jarang diberi perhatian oleh ahli pendidik justeru itu tidak banyak literatur yang sampai kepada umum setakat ini. Rencana ini cuba membahas beberapa persoalan pokok yang berkait terutama apabila ia dilihat dari kacamata Islam. Pertama, apakah kewajarannya persoalan ini dibahas pada waktu ini, kedua, bagaimana pendirian Islam terhadap konsep pendidikan silang budaya, ketiga, dengan mengambil contoh Malaysia, apakah bentuk model yang dianggap sesuai agar model pendidikan silang-budaya dapat digunapakai. Oleh kerana rencana ini merupakan usaha awalan bagi memperkenalkan konsep silang budaya, tumpuan perbincangan adalah bersifat teori dan gagasan sahaja..

Fenomena Silang-budaya

Tidak siapa yang dapat menolak hakikat bahawa dunia sekarang ini benar-benar sudah menjadi sebuah kampung buana “global village”, dan tiada satu bangsa pun dewasa ini yang hidup terpisah dari arus masyarakat dunia, mengamalkan ciri-ciri kehidupan eksklusif dengan norma-norma budayanya sendiri. Sebaliknya apa yang berlaku akibat rempuhan globalisasi, di mana-mana pun dari segenap penjuru alam ini kita dapati di permukaan bumi bandarnya adalah sama. Di mana sahaja kita berada: di Manila, Jakarta, Melbourne, Tokyo, Kuala Lumpur, Moscow, Beijing, Paris, London, Panama, Capetown, New York, kita menemukan tempat atau bangunan yang homogen seperti shopping malls, tempat-tempat hiburan, pasaraya, 7-Eleven, Coca Cola dan KFC yang bukan sahaja di segi fizikalnya memperlihatkan ciri keserupaan bahkan juga jenis makanan, pakaian malah juga jenis muzik yang diminati adalah sama. Barangkali inilah apa yang disebut sebagai norma globalisasi. Kesemua perubahan ini berpunca daripada perkembangan teknologi perhubungan seperti pengangkutan dan media massa yang canggih dan cepat sehingga menjadikan mobiliti manusia begitu mudah dan interaksi antara kelompok masyarakat begitu pesat. Kita ambil contoh negeri Eropah Barat dan Britain, kalau 50 puluh tahun yang lalu, persoalan silang-budaya (multi-culturalism) tidak diberi perhatian, tetapi hari ini sudah menjadi isu nasional. Ini disebabkan di Eropah Barat sahaja angka kehadiran orang Islam dari pelbagai etnik sudah melebihi 15 juta. Demikian juga di Britain bahkan di Amerika Syarikat kehadiran etnik lain sudah melebihi masing-masing 5 juta. Demikian juga sebaliknya berlaku. Dulu di negeri-negeri di mana majoriti penduduknya beragama Islam, misalnya di Asia Barat, negara Arab, di Indonesia dan Malaysia, kita menyaksikan kehadiran bangsa asing begitu rancak sama ada menerusi saluran pelancungan, perniagaan atau apa sahaja. Perkara penting yang ingin dijelaskan ialah fenomena silang-budaya ini terus berlaku di mana-mana sahaja dan ia memberi kesan di segi perhubungan sosio-budaya. Di masa-masa mendatang ini interaksi antara etnik semakin bertambah rancak yang sekaligus mempertemukan kelompok berbagai-bagai agama dan budaya, walaupun secara legalnya tidak menjadikan sebagai sebuah entiti bangsa sesebuah negara tetapi sekurang-kurangnya mewarnai rupa bentuk sosio-budaya setempat. Dalam konteks inilah kita melihat kerelevanan isu ini dibahas dan dalam waktu yang sama mengajak masyarakat menyedarinya supaya mereka sekurang-kurangnya mempersiapkan minda menerima hakikat perubahan.

Pendirian Islam Mengenai Silang-budaya

Islam bukan setakat sebuah “agama” dalam pengertian biasa, bahkan ia merupakan sebuah sistem hidup lengkap, sebagai sifatnya agama wahyu, kehadirannya dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat manusia di muka bumi ini. Justeru itu tiada satu pun persoalan yang dihadapi manusia melainkan ada kaedah-kaedah penyelesaiannya. Dalam konteks perbincangan kita, isu etnisiti, silang budaya (multi-culturalism) yang terangkum di dalamnya soal berbilang agama (multi-religions) atau berbilang kepercayaan (multi-faiths) Islam meletakkan prinsip-prinsip asas yang membolehkan manusia mengambilmnya sebagai asas bertindak.

Dalam isu berbilang agama dan budaya, kalau menurut disiplin sosiologi kedua-duanya tergolong di bawah tajuk etnik (ethnicity) mari kita teliti maksud ayat berikut:

Hai manusia, sesungguhnya Kami (Tuhan) menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan berbangsa-bangsa Dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya Orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. (al-Hujurat, 49:13)

Daripada maksud ayat di atas dapat dirumus seperti berikut: **pertama**, kewujudan pelbagai etnik, bangsa dan suku kaum adalah satu hakikat Ilahi yang tidak dapat dimungkiri. Dalam perkataan lain ini membawa makna bahawa kita hendaklah menghormati keberadaan mereka di tengah-tengah kita serta menghormati hak-hak mereka. **Kedua**, kefahaman kita mengenai kewujudan perbezaan kaum, puak dan entik ini mengharuskan kita untuk berkasih sayang sesama ahli di dalam satu-satu kelompok, berusaha memajukan kelompok masing-masing, dan dalam waktu yang sama menjalin hubungan mesra dengan kelompok-kelompok lain seperti yang dikehendaki oleh ungkapan “li ta‘ārafu”, supaya kamu saling kenal mengenali. **Ketiga**, walaupun diharuskan setiap ahli kelompok mempunyai rasa keterikatan (*esprit de core*), menurut Ibn Khaldun disebutnya sebagai ‘*asabiyyah*, tetapi sentimen keterikatan kepada kelompok masing-masing itu tidaklah sampai membawa kepada faham kesukuan (*tribalism*) atau faham kebangsaan sempit (*ultra-nationalism*), kerana kedua-dua fahaman yang disebutkan ini membawa kepada penafian ruh maksud ayat di atas. Justeru itu jika sekiranya ini berlaku

manusia akan terjebak ke dalam persengketaan dan peperangan dan pertumpahan darah. **Keempat**, apakah falsafah di sebalik Allah menjadikan manusia berpuak-puak dan berbangsa-bangsa, selain daripada tujuan melahirkan perasaan kenal-mengenal dan kasih sayang intra-kelompok, Allah mahu menguji manusia siapakah di antara mereka yang paling mulia di sisiNya. Dalam konteks ini Allah menjelaskan secara kategorikal bahawa mereka yang dapat memperlihatkan khidmat berfaedah kepada manusia menurut istilah al-Qur'an "amal soleh" itulah yang dianggap mulia. Dalam perkataan lain, status sosial seperti keturunan, warna kulit, ras tidak ada sebarang pengaruh dan nilai di sisi Allah. Inilah yang menjadikan Islam sebagai sebuah sistem yang universal merestasi pelbagai zaman, tamadun dan kelompok manusia. **Kelima**, implikasi daripada wujudnya pelbagai kelompok, puak dan ras inilah maka keperluan kepada bentuk-bentuk institusi seperti kekeluargaan dan pendidikan diperincikan oleh Islam.

Sehubungan dengan hal ini, Islam juga mengakui kewujudan pelbagai agama, kerana ia merupakan *sunnahtullah*. Cuba kita perhatikan ayat-ayat Allah yang bermaksud:

Dan kalau Tuhan engkau mahu, niscaya dijadikanNya manusia itu satu umat saja, tetapi mereka akan tetap berlainan pendapat. (Hud, 11 ayat 118)

Di dalam ayat lain Allah berfirman yang bermaksud:

Dan jikalau Allah mahu, niscaya dijadikanNya kamu satu umat, tetapi dibiarkanNya sesat sesiapa yang dikehendakiNya dan dipimpinNya sesiapa yang dikehendakiNya. Dan kamu akan ditanyai tentang apa yang telah kamu kerjakan. (al-Nahl, 16 ayat 93).

Daripada dua maksud ayat di atas Islam mengakui hak kebebasan beragama, justeru itu pada pandangan Islam perbezaan agama atau berlainan anutan fahaman agama adalah hak masing-masing yang tidak boleh didiskrimasi oleh mana-mana pihak. Itu sebabnya dalam sebuah negara yang menjalankan dasar pemerintahan Islam masih memperuntukkan hak setiap kelompok masyarakatnya yang bukan beragama Islam mengamalkan serta memelihara agama mereka masing-masing. Malah ia adalah menjadi tanggungjawab pemerintah melindungi kepentingan mereka jika sekiranya diceroboh. Atas

semangat inilah kita melihat relevannya penyediaan pendidikan kepada kelompok berlainan agama yang dikenali dengan pendidikan silang budaya.

Pendidikan Silang-budaya di Malaysia.

Ekoran daripada tuntutan pendidik kaum Cina terhadap penggunaan bahasa ibunda serta pengejalan sekolah-sekolah Jenis kebangsaan, tidak berapa lama dulu soal pendidikan silang-budaya ditimbulkan. Isu ini sudah pastinya menimbulkan berbagai-bagai reaksi terutama sekali di kalangan kaum Melayu yang tidak menyenangi kontroversi yang ditimbulkan. Tetapi bagi kita sebagai peneliti dan juga sebagai kaum pendidik tentulah mahu melihat isu ini benar-benar difahami serta dibahas secara objektif dan rasional agar semua pihak dapat manfaatnya. Pertama, kita kemukakan soalan: apakah isu kepelbagaian-budaya ini merupakan aset yang bernilai ataupun bebanan (liability) kepada negara? Jawapannya amat tergantung kepada apa bentuk 'teropong' yang kita gunakan. Kalau kita menggunakan teropong sentimen faham kebangsaan sempit sudah tentulah ia dianggap sebagai satu bebanan kalau pun tidak sebagai satu ancaman. Tetapi kalau kita menggunakan 'teropong' yang bukan bersentimenkan fahaman di atas, sebaliknya melihat satu-satu bangsa atau suku kaum itu dalam konteks ummah yang lebih besar dan luhur, umpamanya menekankan integriti, hargadiri manusia dan kemanusiaannya, maka sewajarnya ia dianggap sebagai satu aset yang amat bernilai kerana jika perpaduan yang bakal dibina itu dapat diasaskan kepada kefahaman dan kecintaan, semangat saling hormat menghormati, sudah pastilah perpaduan nasional yang terbina itu benar-benar unik dan asli.

Oleh kerana aspek pendidikan merupakan persoalan kepentingan negara terutama sekali apabila ia dijadikan wahana bagi mencapai perpaduan dan indentiti nasional, maka sewajarnya pendidikan itu berfungsi sebagai pemersatu bukan sebaliknya-faktor pemecahbelah. Tetapi dalam waktu yang sama kita juga mengakui bahawa setiap kelompok etnik yang wujud dalam bangsa Malaysia ini mempunyai citarasa dan inspirasi berlainan, contohnya soal bahasa, budaya dan anutan kepercayaan beragama yang berlainan yang pada idealnya harus dilayani dengan adil oleh pihak yang berkuasa. Bagaimanakah semua ini dapat diintegrasikan? Apakah rupa bentuk integrasi yang bakal diwujudkan: secara eklektik? Atau pun secara melebur identiti masing-masing kemudian membangunkan yang baru? Atau pun memberi jalan

kepada yang dominan untuk menentukan arah bentuk yang hendak dicapai!

Usaha-usaha Bagi Memperjelas Konsep Pendidikan Silang-budaya

Se awal tahun 90an para pendidik Muslim dan bukan Muslim yang mempunyai latarbelakang dan berpengalaman dalam aktiviti dialog antara agama dan tamadun telah merumuskan hasil pemikiran mereka mengenai *faith-based education* dengan menerbitkannya di bawah tajuk **RELIGION and EDUCATION: Islamic and Christian Approaches**(1994). Dalam persoalan sama ada pendidikan boleh diasaskan kepada agama, pandangan Islam yang ditulis oleh Hasan Askari, dan pandangan Kristian ditulis oleh Peter J. Mitchell, mereka kedua-dua sependapat amatlah wajar agama dijadikan asas pendidikan satu-satu bangsa kerana pendidikan tidak dapat lari daripada proses pembinaan insan seutuhnya. Buku ini juga memuatkan perbincangan mengenai gabungjaln antara pendidikan sains dengan agama yang dikongsi sama oleh ahli pendidik Islam, Syed Ali Ashraf dan ahli pendidik Kristian, Paul J. Black. Terdahulu daripada ini sebuah buku diterbitkan oleh Longman di Britain (1989) dengan judul *Education and Cultural Diversity* yang memperuntukan lima agama terbesar membahas persoalan pembinaan kurikulum bersifat silang-budaya (*a multi-cultural approach to the curriculum*). Lima agama itu ialah Kristian, Yahudi, Islam, Agama Tradisi Afrika dan Hindu. Edward Hulmes, penulis buku ini berpendapat bahawa pengalaman pelaksanaan dasar pendidikan agama-agama (RE) dalam sistem pendidikan Britain mempengaruhi penulisan buku ini. Di Malaysia, satu percubaan awalan telah pun dibuat oleh penulis sebagai editornya dalam tahun 1991 menghimpunkan beberapa kertas ahli pendidikan Muslim ke dalam judul *An Integrated Education System In A Multi-Faith and Multi-Cultural Country*. Sebanyak lima rencana yang dimuatkan masing-masing dengan tajuk “Utilising Religions for the Basis of Integrated Education Curriculum in Multi-Faith and Multi-cultural Society”, “Integration, Planning And Implementation Principles, Policies and Strategies” “Aims and Objectives of An Integrated Science Curriculum for A Multi-Faith, Multi-Cultural Country”, “Integrated Personality and Integrated Education: A Psycho-Socio-Spiritual Approach”, “Social Implications of An Integrated Education Curriculum In A Multi-Faith, Multi-Cultural Country”. Pada tahun 1990 juga sebuah makalah diterbitkan oleh Syed Ali Ashraf bertajuk *Curriculum Designing for Multi-Cultural Education: A Case Study, Trinidad and Tobago* yang menjelaskan tentang kejayaan pelaksanaan konsep ini di

kalangan kelompok masyarakat terbesarnya iaitu Hindu, Kristian dan Islam.

Daripada pemaparan literatur di atas, jelas bahawa isu pendidikan silang budaya sudah pun diberi perhatian dan dibincang oleh beberapa tokoh pendidik, justeru itu rasanya kita akan terpandu serta mempunyai asas yang kukuh dalam membincangkan tajuk ini selanjutnya.

Pendidikan Silang-budaya di Malaysia dan Kewajarannya

Di samping menggunakan hujah keperluan memenuhi tuntutan sebagai sebuah negara berbilang etnik, budaya dan agama, dikemukakan beberapa keterangan yang menyokong mengapa perlunya kita memperkenalkan sistem pendidikan berasaskan kepercayaan agama bagi memastikan matlamat perpaduan nasional dapat dicapai. Pertama, adalah diakui bahawa semua kelompok etnik mempunyai sistem kepercayaan masing-masing. Dengan menjadikan asas kepercayaan agama sebagai landasan pembinaan diri seseorang, ia merupakan satu kekuatan dalaman yang amat berkesan dan bersifat kekal. Ini kerana sebarang bentuk pembelajaran yang menerusi jendela sistem kepercayaan, ia pasti melahirkan rasa kebertanggungjawaban dan pengorbanan yang tinggi, misalnya larangan mengambil harta orang lain tanpa izin, atau mematuhi satu-satu larangan yang dikenakan; jika ia dilakukan atas nama agama kesannya berbeza jika dibandingkan dengan penguatkuasaan undang-undang.

Beberapa ahli sarjana ilmu perbandingan agama berpendapat bahawa setiap agama di dunia pada dasarnya mempunyai persamaan (commonalities) sekurang-kurangnya dalam enam dimensi. Dan di sinilah setiap penganut bagi agama masing-masing dapat menjalin perasaan saling faham-memahami, hormat-menghormati antara satu sama lain. Enam dimensi itu ialah: (i) doktrin kepercayaan kewujudan Tuhan yang bersifat transenden, adalah sama cuma sebutan atau nama yang diberikan untuk Tuhan itu berbeza-beza, (ii) mitos mengenai cerita/kisah rahsia kejadian alam, alam ghaib, (iii) sistem etika, pantang larang, nilai baik-buruk yang ditentukan oleh agama masing-masing, (iv) aspek ritus, peribadatan, penyembahan-cuma pengertian, kefahaman serta bentuk-bentuknya berbeza dari satu agama kepada agama yang lain, (v) pengalaman amalan beragama dalam diri seseorang apabila berhadapan dengan Yang Mahakuasa: rasa gerun terhadap yang Mahakuasa dan rasa kerdil di dalam diri dan (vi) aspek institusi sosial, seperti sistem kekeluargaan,

pendidikan. Untuk memperlihatkan aspek-aspek kesepunyaan dalam mencari titik-titik persamaan menerusi jendela agama masing-masing kita akan perturunkan contoh kerana menurut teori ilmu kebenaran (truth) boleh dicapai sama ada menerusi penelitian terhadap asal-usul kejadian (ontological) atau pun penelitian terhadap nilai-nilai kemanusiaan (aksiologikal) . Untuk tujuan ini kita ambil jalur ontologikal mengenai **asal usul manusia** menurut perspektif berlainan agama. Untuk keselarasan memahami teks kita kekalkan terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris:

Pandangan Islam: *O mankind! We have created you from a single pair of a male and a female and made you into nations and tribes that you may know each other (not that you might despise each other). Verily, the most honored among you in the sight of God is he who is most righteous (al-Qur'an, 49:13)*

Pandangan Agama Kristian: *There is neither Jew nor Greek, there is neither slave nor free, there is neither male or female, for you who are all one in Christ Jesus (Galatians, 3:28)*

Pandangan Agama Yahudi: *But as single man (Adam) was created for the sake of peace among mankind, that none should say to his fellow, "my father was greater than your father. (Mishnah, Sanhedrin, 4.5)*

Pandangan Agama Hindu: *I look upon all creature equally, none are less dear to me and none more dear (Bhagavad Gita 9.29). Lord God of glory is He to whom both the Aryans and the outcastes (dasa) belong (Rig Veda 8.51.9)*

Pandangan Agama Buddha: *You are a native of Kwangtung, a barbarian. How can you expect to be a Buddha? Asked the Patriarch. Hui Neng replied, "Although there are northern men and southern men, north and south make no difference to their Buddha nature. A barbarian is different from your Holiness physically, but there is no difference in our Buddha-nature (Sutra of Hui Neng 1)*

Pandangan Fahaman Kungfucius: *By nature men are pretty much alike, it is learning and practice that set them apart (Analects 17.2)*

Pandangan Agama Sikh: *Know all human beings to be repositories of Divine*

Light. Stop not to inquire about their caste; in the hereafter there are no castes. (Adi Granth, Asa M.1 p.349).

Contoh di atas jelas memperlihatkan tentang titik-titik persamaan yang terdapat pada setiap agama, dan di sinilah asas hujah kita mengapa kita berkeyakinan bahawa landasan agama boleh dijadikan pembinaan sebuah kurikulum pendidikan bersifat silang-budaya.

Terdahulu daripada ini kita sentuh perkara yang menyangkut keperluan mempelajari bahasa ibunda dituntut oleh kaum Cina dan India yang mengakibatkan pengekalan sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Dalam kita membicarakan soal hak dan keadilan memang setiap kelompok itu mempunyai hak mereka untuk mengekalkannya lantaran setiap agama yang dianuti memerlukan penguasaan bahasa agamanya. Misalnya dalam konteks kita, bahasa Melayu-Arab diperlukan bagi agama Islam, Sanskrit-Tamil bagi penganut agama Hindu, Pali-Mandarin bagi penganut agama Buddha, Punjabi bagi agama Sikh. Dengan tidak menafikan hak setiap penganut agama yang berlainan, mereka juga hendaklah sepakat bagi memajukan sebuah bahasa yang bersifat nasional untuk tujuan perpaduan dan integrasi nasional. Justeru itu bagi keperluan memastikan pengajaran bahasa-bahasa agama tersebut dalam kurikulum hendaklah dilakukan, peruntukan akta pelajaran yang dikenali dengan peruntukan POL (Pupils' Own Language) hendak diteruskan perlaksanaannya.

Seterusnya pemupukan hubungan etnik yang lebih mesra dan ikhlas dapat dijalin disebabkan wujudnya kefahaman serta sikap saling hormat-menghormati terhadap sistem nilai yang menjadi anutan agama masing-masing lantaran ia terbit daripada kefahaman yang mendalam, bukan yang bersifat luaran, atau tujuan muhibah promosional pihak-pihak tertentu. Apa yang kita khawatiri ialah selama ini kita anggap soal perpaduan kaum dan integrasi nasional sebagai perkara yang sudah beres (*take for granted*), lantaran kita dapat mengekalkan suasana hidup rukun berbilang kaum ini dengan keadaan yang agak baik. Kita tidak harus lupa bahawa setakat ini kita berjaya mengekalkan keadaan yang agak harmonis ini oleh kerana kita belum diuji dengan ujian yang hebat, misalnya kerosakan ekonomi yang dahsyat-mengakibatkan jurang pendapatan yang besar antara kelompok kaum di waktu

itu perasaan curiga dan terancam kian menebal, apatah lagi ada pula unsur-unsur penghasut dari dalam dan luar yang boleh mencetuskan huruhara. Peristiwa negeri persengketaan kaum ini kita saksikan di mana di zaman moden ini seperti yang berlaku di Bosnia, di Lombok, Indonesia, di Afrika, dan tidak kita tolak kemungkinan perkara yang sama boleh berlaku di negara kita. Justeru itu langkah yang paling baik untuk mendahuluinya (*pre-empt*) ialah menerusi pembekalan ilmu dan kefahaman antara kelompok berlainan agama ini menerusi pendidikan silang-budaya yang kita anjurkan.

Kita juga beranggapan bahawa pendidikan yang dibina atas asas kepercayaan agama ini akan dapat mencetuskan penerapan keupayaan berfikir kritis yang amat diperlukan dalam pembinaan rasa kekitaan setiap kelompok kerana ia boleh membendung unsur-unsur faham kelompok sempit (*tribalism*). Dengan terbinyanya pemikiran kritis ini setiap kelompok agama dapat menilai diri sendiri dan orang lain secara objektif dan rasional. Kurikulum yang bakal diwujudkan akan mengambil kira sensitiviti semua kelompok agama dan setiap mereka akan diberi ruang untuk berpartisipasi dalam menghurai nilai-nilai murni kepentingan bersama. Aktiviti seperti forum, wacana intelektual, dialog ketamadunan akan menjadi mudah dilaksanakan dari masa ke semasa.

Sehubungan dengan ini juga ia akan membuka ruang kepada keselesaan dan ketelusan hidup beragama setiap kaum, kerana perasaan curiga mencurigai telah dapat dihindarkan. Implikasi daripada suasana begini memperlihatkan tentang pencapaian satu tahap ketamadunan (*civility*) yang tinggi berasaskan kepada pengetahuan serta keadilan, bukan berasaskan kepada kepura-puraan. Ertinya semua kelompok akan berupaya menggunakan tingkat intelektualnya, memerhati, mentelaah, menganalisis serta membuat keputusan. Dan ajakan seperti ini amat sesuai dengan seruan Islam yang dijelaskan dalam ayat yang bermaksud: **Tiada paksaan dalam agama (kerana) sesungguhnya telah jelas jalan yang benar dari jalan yang salah (al-Baqarah, 2:256)**, memberi implikasi tentang peranan intelek(ilmu) untuk menentukan pendirian keimanan seseorang. Bahkan pekara yang lebih berharga lagi ialah adanya keselesaan dan ketelusan dalam membincang isu-isu yang sekian lama dianggap sensitif, seperti isu pendakwaan dan isu penukaran agama.

Dalam kita melihat kesan globalisasi yang sebenarnya penuh sarat dengan

nilai deagamasasi (menghilangkan nilai-nilai agama) untuk digantikan dengan nilai-nilai konsumerisme, kita merasakan setiap agama yang ada harus mempertahankan nilai dan kehidupan beragama daripada terus terpinggir (*marginalized*). Sistem pendidikan yang kita gagaskan ini akan dapat menyegar-suburkan kembali nilai-nilai murni kehidupan beragama. Ia sekaligus menjamin kelangsungan generasi yang dibangun secara seimbang: spiritual dan mentalnya mengupayakannya menyediakan ketahanan dalam menghadapi serangan nilai konsumerisme kebendaan yang sekular.

Pendekatan kita dalam mempromosikan pendidikan silang-budaya ini berdasarkan atas keyakinan bahwa kesesuaiannya dengan *nature* manusia yang memang secara *raison de'etre* nya adalah makhluk agamawi. Justeru itu pendekatan yang diambil dalam memperkenalkannya adalah bersifat *holistic*: dalam erti kata membangun manusia seutuhnya secara seimbang dan menyeluruh. Atas landasan inilah mengapa anutan kepercayaan agama dijadikan teras bagi pembangunan intelek, emosi, spiritual dan fizikalnya. Anutan kepercayaan adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan daripada jiwa manusia kerana ia adalah anugerah Tuhan. Adalah sesuatu yang ironis jika kita menolak satu perkara yang sememangnya menjadi sebahagian daripada *traits* sifat semula jadi manusia dalam kita membangunkan manusia. Jika sekiranya pendidikan itu suatu proses membangun manusia seutuhnya, maka *mantiq* yang ada pada kita ialah semestinyalah kehidupan beragama itu menjadi sebahagian daripada proses pendidikan yang dilaluinya.

Penutup

Tradisi sejarah serta iklim pendidikan dan pengalaman beragama yang ada di Malaysia setakat ini turut membantu dalam menjayakan konsep pendidikan silang-budaya. Antaranya, pertama, pengalaman kehidupan dalam konteks masyarakat majmuk (pluralis) dan multi-etnik sejak mencapai kemerdekaan hampir enam dekad dapat dikatakan baik, walaupun pernah mengalami sedikit kecederaan pada peristiwa 13 Mei 1969, di mana berlaku pergaduhan antara kaum Melayu-China. Langkah pro-aktif yang dibuat oleh pihak berkuasa seperti memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru, memperkenalkan ideologi negara dan beberapa lagi dasar seperti pendidikan dan sosial telah dapat mengatasi masalah serta memastikan keharmonian kaum dapat diwujudkan secara berterusan.

Kedua, seperti yang telah disentuh, dari segi sejarah pembangunan sistem bernegara, penggubalan ideologi negara yang dikenali dengan Rukunegara merupakan *milestone* dalam memastikan kelangsungan pembinaan sebuah negara Malaysia yang rakyatnya berbilang kaum. Jika diteliti kelima-lima prinsip Rukunegara itu kesemuanya dapat dijadikan asas pegangan yang kukuh untuk mempertaut nilai-nilai luhur yang terkandung dalam ajaran agama masing-masing. Misalnya prinsip pertamanya: Kepercayaan kepada Tuhan, sudah cukup untuk semua agama bagi setiap kaum mentafsirkan menurut perspektif tradisi agama masing-masing. Yang penting ialah bagaimana ia dapat diterjemahkan dan dikongsi-sama supaya ia sesuai dengan keperluan masyarakat Malaysia.

Ketiga, peruntukan perlembagaan yang sedia ada mengenai kebebasan beragama, perkara 11(3) Perlembagaan Persekutuan akan memberi ruang yang cukup bermakna dalam melaksanakan gagasan ini. Ia selaras dengan peruntukan Rukunegara yang meletakkan prinsip utamanya sebagai Kepercayaan kepada Tuhan. Dalam konteks ini terpulanglah kepada kelompok agama-agama masing-masing untuk mentafsirkan Tuhan seperti mana yang terdapat dalam agama masing-masing. Apa yang penting di sini ialah berpegang kepada prinsip ketuhanan itulah yang meletakkan harga-diri manusia dalam kehidupan beragamanya, dan ia amat berbeza dengan kehidupan manusia ateis (menolak prinsip ketuhanan) yang menjadikan faham kebendaan (materialisme) atau keseronokan (hedonisme) sebagai gantinya.

Kelima, kita juga sudah mempunyai Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang juga sudah menyediakan kerangka/struktur pembinaan sebuah kurikulum pendidikan silang-budaya. Sekali lagi jika kita perincikan kandungan FPN, jelaslah misalnya aspek pembangunan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, memang bertepatan dengan sifat semula jadi pendidikan silang-budaya. Setiap kelompok agama yang ada di negara Malaysia ini dengan mudah diselaraskan dengan prinsip FPN, kerana paksinya ialah pembinaan manusia seutuhnya dan hubungannya dengan Tuhannya.

Daripada hujah-hujah yang disebutkan di atas kita merasakan sudah tiba waktunya kita memikirkan secara serius usaha bagi memperkenalkan konsep

pendidikan silang-budaya yang akan menjadi subset kepada sistem Pendidikan Kebangsaan yang sedia ada. Kedudukannya sebagai *subset* kepada sistem Pendidikan Kebangsaan sudah pasti akan dapat mengatasi keperluan seperti yang dihasratkan oleh kelompok-kelompok berbagai-bagai agama di negara kita hari ini. Keyakinan kita ialah soal agama bukan setakat soal identiti sesebuah kelompok masyarakat tetapi ianya juga suatu pegangan hidup yang membentuk *world-view* dan sistem kepercayaan, jika dikendali dengan baik akan menghasilkan jalur-jalur yang berkesan ke arah pembinaan sebuah bangsa yang bertamadun tinggi.

Rujukan

Darsh S.M. (1980), *Muslims in Europe*. London: Ta Ha Publishers.

Ghazali Basri (ed).(1991). *An Integrated Education System In A Multi-Faith and Multi-Cultural Country*. Kuala Lumpur: ABIM.

Gomathi Mani (1991). *Education in the International Context*. India: Sterling Publishers Private Ltd.

Jeff Haynes (1993) "Intro: the Significance of Religion in the Plural Societies of the Third World" in *Religion In Third World Politics*. Philadelphia USA: Open University Press.

Jorgen Nielsen (1992). *Muslims in Western Europe*. United Kingdom: Edinburgh University Press.

Kua Kia Soong (ed) (1998). *Mother Tongue Education of Malaysian Ethnic Minorities*. Kajang: Dong Jiao Zong Higher Learning Centre.

Paul J. Black (1989). *Education and Cultural Diversity*. United Kingdom: Longman.

Syed Ali Ashraf and Paul H. Hirst (eds.) (1994). *Religion and Education: Islamic And Christian Approaches*. Cambridge: The Islamic Academy.